

Publication	Sinar Harian	Section/Page No.	Laporan Khas/Pg.N15
Date	Sunday, 26th September 2010	Lead Article	No
Headline	Alat Ganti Palsu Sukar Dikenal Pasti		

Alat gantian palsu sukar dikenal pasti

DALAM pada itu, Setiausaha Persekutuan Persatuan Pemilik Bengkel Kereta Malaysia (Fawaom), Daniel Loh berkata, berkenaan isu alat gantian yang digunakan itu benar atau palsu memang sesuatu yang agak sukar untuk dikenal pasti.

"Secara fizikalnya alat gantian tersebut kelihatan sama dan sekiranya hendak memastikan ketulenan alat tersebut harus dilakukan secara terperinci seperti perlu dibawa ke makmal kajian atau menjalani ujian-ujian tertentu.

"Pengguna harus menggunakan alat ganti yang original terutama alat-alat yang membabitkan keselamatan seperti

brek, stereng, absorber, tayar dan cermin depan. Alatan lain seperti aksesori pula bergantung pada pengguna sendiri, apa yang penting adalah alat ganti keselamatan perlu menggunakan yang betul dan bukan palsu," katanya.

Terdapat juga isu yang mendakwa minyak pelincir yang digunakan, dikitar semula oleh pihak tidak bertanggungjawab. Mereka sanggup membeli botol minyak yang telah dibuang untuk mengisi minyak yang dikitar semula itu.

Katanya, apa yang penting ialah pelanggan bijak mencari bengkel yang boleh dipercayai dan sekiranya terdapat

produk tidak biasa di pasaran, adalah lebih baik untuk tidak menggunakannya.

"Ada sesetengah pengguna yang tidak menghiraukan hal sebegini kerana bagi mereka, asalkan barang tersebut murah dan boleh digunakan. Tapi pada akhirnya,

pengguna harus sedar bahawa lama kelamaan ia akan mendatangkan memberi kesan berbahaya kepada mereka," katanya.



DANIEL LOH